

CNS1308

U PB 31-05 00145 BH034

AAB

Mahathir - Nik Aziz

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, hasrat Menteri Besar Kelantan Haji Nik Aziz Nik Mat untuk membalas lawatan beliau ke negeri itu semalam sebagai sikap positif pemimpin berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, PAS perlu menunjukkan sikap lebih positif daripada itu.

+Jumpa tu... positiflah tapi banyak lagi yang perlu positif,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa khas pembangunan Kuala Lumpur di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sini.

Selepas menemui Datuk Seri Dr Mahathir semasa perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor di Kelantan semalam, Haji Nik Aziz berkata, beliau telah mengarahkan para pegawainya supaya mengatur pertemuan itu.

Menurut Haji Nik Aziz, pertemuannya dengan Perdana Menteri semalam merupakan titik permulaan ke arah menjalinkan hubungan antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat demi kepentingan rakyat. -- Bernama

♥31/05/21-08MST